

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MM FREIGHT LOGISTICS SDN BHD

OLEH

MOHD BADRUL HISYAM BIN IBRAHIM  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2004

1100032948 *cpus1912*

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)			
Pengarang <i>Mohd Badrul Hisyam Bin Ibrahim</i>		No. Panggilan <i>LP 6 FPE 3</i>	
Judul <i>Industri di MAM freight logistic sdn bhd</i>		<i>2004</i>	
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

CH/1912

1100032948

LI 6 FPE 3 2004



1100032948  
Laporan akhir latihan industri di MM Freight Logistics Sdn. Bhd  
/ Mohd Badrul Hisham Ibrahim.



**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100032948		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

CH/1912

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI MM FREIGHT LOGISTICS SDN. BHD.**

Oleh

**MOHD. BADRUL HISYAM BIN IBRAHIM**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**Maritim**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**2004**

**1100032948**

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Mohd. Badrul Hisyam Bin Ibrahim mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

  
\_\_\_\_\_

Nama : **Mohd Badrul Hisyam Bin Ibrahim**

Tarikh :

Disahkan Oleh :

  
\_\_\_\_\_

**PM Dr. Saharuddin Abd. Hamid**

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, **KUSTEM**

***Dedikasi Kepada:***

*Ayah dan ibu, terima kasih di atas kasih sayang dan pengorbanan yang dicurahkan selama ini. Tidak lupa kepada rakan- rakanku yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan.*

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmahnirahim... Dengan nama Allah s.w.t, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin & limpah Kurnia-Nya akhinya dapat juga saya menyiapkan laporan ini pada masa dan waktu yang telah ditetapkan. Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat kedua ibubapa saya yang telah banyak berjasa dalam memberikan pendidikan yang terbaik buat saya. Segala jasa dan pengorbanan mereka tidak akan saya lupakan buat selama-lamanya.

Dikesempatan ini , saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada **En. Mohd. Maarof Abdul Jalil** selaku Pengurus Besar, MM Freight Logistics Sdn. Bhd. yang juga penyelia industri saya. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar dan memberikan peluang kepada saya untuk bertanya juga memberikan peluang kepada saya untuk mengemukakan pendapat dalam hal-hal yang tertentu selama saya menjalani latihan industri dari 13 Mac 2004 hingga 12 Jun 2004.

Ribuan terima kasih ini juga saya tujukan kepada **PM Dr. Saharuddin Abd. Hamid** selaku penyelia latihan industri KUSTEM kerana kesudian beliau meluangkan masa untuk datang melawat saya di MM Freight Logistics untuk menyelia dan memberikan penilaian berdasarkan kepada buku log laporan aktiviti harian dan beberapa maklumat tentang organisasi.

Akhir kata, saya memohon keampunan sekiranya selama saya menjalani latihan industri ini sekiranya ada berlaku kesilapan samaada saya sedar ataupun tidak. Sesungguhnya saya hanya mengharapkan yang terbaik tetapi segala penentuan adalah dari Allah s.w.t.

## Isi Kandungan

### BAB 1 LATAR BELAKANG SYARIKAT

1.1	Pengenalan	
1.1.1	Sejarah Ringkas Organisasi	1
1.1.2	Pemilikan	1
1.1.3	Tumpuan Pasaran	1
1.2	Maklumat Organisasi	2
1.3	Carta Organisasi	4
1.4	Aktiviti Organisasi	5
1.4.1	Agen Kapal	6
1.4.2	Agen Penghantaran	9
1.4.3	Urusan Imigresen Krew	9
1.4.4	Pengangkutan Krew	10
1.4.5	Kemudahan Pergudangan	10
1.5	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	11
1.5.1	Mengenali tugas Pihak Berkuasa	11
1.5.2	Mengenali dan Menyediakan Dokumen	15
1.5.3	Mengetahui Kaedah Pembayaran Bagi Urusan Operasi	21
1.5.4	Mengenali dan Menggunakan Peralatan Pejabat	22
1.5.5	Mengetahui Peralatan Keselamatan	22
1.5.6	Mengenali Permasalahan Dalam Operasi	22
1.5.7	Mengetahui Fungsi Dan Tugas Syarikat	23
1.5.8	Mengenali Jenis Barangan Dan Kargo	23
1.5.9	Mempelajari Sistem Kerja Yang Wujud	24



1.6	Mengetahui Kemahiran Dan Keperluan Pekerja	25
-----	--	----

## **BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH**

a)	<u>Mengesan Sistem Sedia Ada</u>	
2.1	Sistem Sumber Manusia	26
	2.1.1 Waktu Kerja	27
	2.1.2 Motivasi dan Sistem Insentif	28
2.2	Sistem Penyewaan Jentera KSB	29
2.3	Sistem Penyimpanan Fail	31
2.4	Sistem Pengeluaran Barang dari Zon Kastam	32
2.5	Sistem "Billing"	34
b)	<u>Pengenalpastian Masalah</u>	
2.6	Kekurangan Kerani Operasi dan Pemandu Lori	35
2.7	Kos Sewaan Jentera Yang Tinggi dan Kekurangan Jentera	36
2.8	Butir Barangan Tidak Dinyatakan	37
2.9	Kos Alatan Cetak Yang Tinggi	36
c)	<u>Analisis Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan</u>	
2.9.1	Rumusan Analisis dan Perbincangan	38
d)	<u>Cadangan Penyelesaian</u>	
2.9.2	Sistem Sumber Manusia	39
2.9.3	Kos Sewaan Jentera Yang Tinggi dan Kekurangan Jentera	40
2.9.4	Tidak Menyatakan Butir Barangan	41
2.9.5	Kos Alat Cetak yang Tinggi	42

e) <u>Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi</u>	42
<b>BAB 3 PENUTUP</b>	44
<b>RUJUKAN</b>	48
<b>LAMPIRAN</b>	49

**SENARAI RAJAH****MUKA SURAT**

Rajah 1	Carta Organisasi MM Freight Logistics Sdn. Bhd	4
Rajah 2	Prosedur Permohonan Penyewaan	29
Rajah 3	Prosedur Pengeluaran Barang	32

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1	Profil MM Freight Logistics Sdn. Bhd.
Lampiran 2	Profil MM Freght Logistics Sdn. Bhd.
Lampiran 3	Profil MM Freght Logistics Sdn. Bhd.
Lampiran 4	Carta Organisasi MM Freight Logistics Sdn. Bhd.
Lampiran 5	Surat Perlantikan Agen Perkapalan: Orogenic Thales Geosolutions
Lampiran 6	Surat Perlantikan Agen Perkapalan: Haven Engeneering Sdn. Bhd.
Lampiran 7	Surat Perlantikan Agen Perkapalan: Apex Energy Sdn. Bhd.
Lampiran 8	Dokumen MSS1
Lampiran 9	Dokumen MSS2
Lampiran 10	Surat Permohonan Pelepasan Pelabuhan
Lampiran 11	Sijil Pelepasan Pelabuhan: Kapal MV Epic Challenger
Lampiran 12	Sijil Pelepasan Pelabuhan: Kapal MV Geo Surveyor
Lampiran 13	Surat Permohonan Kerja Lebih Masa
Lampiran 14	Notis Ketibaan Kapal di Pelabuhan Kemaman: Kapal MV Geo Surveyor
Lampiran 15	Notis Ketibaan Kapal di Pelabuhan Kemaman: Kapal MV Epic Challenger
Lampiran 16	Borang Permohonan Visa
Lampiran 17	Borang Permohonan Pas Lawatan
Lampiran 18	Borang Maklumat Pegawai Dagang 1
Lampiran 19	Borang Maklumat Pegawai Dagang 2
Lampiran 20	Dokumen Tuntutan Pembayaran Balik Cukai Kastam
Lampiran 21	Borang Kastam 8
Lampiran 22	Borang Kastam 9
Lampiran 23	Surat Daftar Masuk Pekerja Teknikal Ke Kapal MV Geo Surveyor
Lampiran 24	Senarai Nama Pekerja Teknikal Ke Kapal MV Geo Surveyor

Lampiran 25	Surat Permohonan Untuk Sign Off Anak Kapal MV Geo Surveyor
Lampiran 26	Surat Permohonan Untuk "Sign On" Anak Kapal MV Geo Surveyor
Lampiran 27	Sijil Lesen Perkapalan Dalam Negeri
Lampiran 28	Sijil "Satellite Emergency Position Indicating Radio Beacon"
Lampiran 29	Sijil "Document of Compliance"
Lampiran 30	Sijil "International Tonnage"
Lampiran 31	Sijil "International Load Line Certificate"
Lampiran 32	Sijil Klasifikasi Kapal
Lampiran 33	Sijil Perkapalan "Republica De Panama"
Lampiran 34	Sijil "British Registry"
Lampiran 35	"IMO General Declaration"
Lampiran 36	"IMO Crew List"
Lampiran 37	Resit Bayaran Rumah Api
Lampiran 38	Invois Proforma
Lampiran 39	Senarai Barangan Invois JDC
Lampiran 40	"Delivery Order" Syarikat Steel Joint
Lampiran 41	"Delivery Order" Syarikat Offshore Works Sdn. Bhd.
Lampiran 42	Invois KSB

## SENARAI SINGKATAN

1. Sendirian Berhad- Sdn. Bhd.
2. Kemaman Supply Base- KSB
3. "Estimate Time Arrival"- ETA
4. Japan Drilling Company- JDC
5. Jabatan Pengangkutan Jalanraya- JPJ
6. Merchant Shipping Ordinance- MSO
7. Petronas Carigali Sendirian berhad- PCSB
8. "Bill Of Lading"- BOL

## PRAKATA

Latihan Industri ini diadakan adalah bertujuan untuk para pelajar mempraktikkan teori-teori yang telah dipelajari selama berada di dalam bilik kuliah seterusnya diaplikasikan dalam alam pekerjaan yang sebenar. Latihan Industri ini amat penting kepada para pelajar dalam mempelajari cara-cara dan kaedah-kaedah pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi. Selain itu, pelajar juga dapat membuat persediaan sebelum menempuhi alam pekerjaan yang sebenar nanti.

Pelatih yang menjalani latihan industri ini diberi pendedahan dari semua sudut dan bahagian dalam organisasi dan dengan ini pelajar dapat mengetahui serta mempelajari sistem-sistem dan kaedah-kaedah yang digunakan dalam menguruskan sesuatu urusan. Oleh itu, apabila seseorang pelajar itu memasuki alam pekerjaan yang sebenar nanti, tidaklah pelajar itu merasa kekok sebaliknya telahpun bersedia dengan berpandukan kepada pengalaman yang telah ada semasa menjalani latihan industri ini.

Latihan industri ini telah banyak memberi manfaat kepada para pelajar. Justeru, ianya bukanlah satu bebanan kepada pelajar, tetapi adalah untuk membantu pelajar itu sendiri dalam membiasakan diri mereka dengan alam dan suasana pekerjaan yang bakal mereka tempuhi.

Adalah diharapkan agar dengan adanya kerjasama dari semua pihak, latihan industri ini akan berjaya menerapkan nilai-nilai positif seterusnya akan melahirkan generasi pekerja yang akan menjadi pemangkin ke arah menerajui dunia perniagaan pada masa akan datang.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan ini ditulis dengan matlamat untuk menerangkan apa yang telah dipelajari dan dipraktikkan setelah mempelajari teori-teori di dalam bilik kuliah seterusnya diaplikasikan di dalam organisasi yang sebenar. Selain itu juga, ianya bermatlamat untuk mempelajari sistem-sistem sedia ada dan yang digunakan dalam sesebuah organisasi, mengkaji permasalahan-permasalahan yang berlaku di tapak latihan industri. Oleh itu, pelajar seterusnya memperoleh pengalaman dan pengetahuan sebelum menjejaki ke alam pekerjaan sebenar setelah pelajar menamatkan pengajian.

Didalam laporan ini, terdapat tiga aspek penting yang telah pelatih temui semasa menjalani latihan industri di MM Freight Logistics Sdn. Bhd, Kemaman, Terengganu Darul Iman. Ini dijelaskan dalam tiga bab yang utama. Di dalam bab yang pertama, pelatih menerangkan tentang latar belakang organisasi yang merangkumi sejarah ringkas penubuhan organisasi iaitu dari sejarah awal penubuhannya, bagaimana ia ditubuhkan, pemilikan, tumpuan pasaran dan pendekatan-pendekatan yang diambil untuk memajukan organisasi serta maklumat-maklumat yang berkaitan dengan organisasi tersebut. Selain itu, pendekatan yang digunakan untuk memajukan dan menaikkan prestasi organisasi serta kemahiran yang telah dipelajari oleh pelatih telah memberikan implikasi yang berguna.

Manakala bab kedua pula, pelatih menerangkan sistem yang sedia ada, mengenalpasti masalah yang terdapat di dalam beberapa bahagian di MM Freight. Masalah yang dikesan oleh pelatih sedikit sebanyak telah menjejaskan kelicinan pengurusan organisasi tersebut. Seterusnya, pelatih telah mengemukakan cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan ini juga adalah untuk membantu organisasi tersebut supaya dapat memperbaiki kelemahannya. Bab ketiga merangkumi penutup yang menjelaskan lakaran pengharapan kepada pendekatan yang telah diambil oleh pelatih untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul.